# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP *"QING MING JIE" (CHINESE ALL SOULS DAY)* DALAM TEMPOH PKP/PKPB/PKPP**

**DIKEMASKINI 17 MAC 2021**

**AKTIVITI**

| BIL. | AKTIVITI | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| 1 | **AKTIVITI MENZIARAH TANAH PERKUBURAN** | **i. Dibenarkan**<br>➢ Mulai **20 Mac 2021** sehingga **14 April 2021**<br>➢ Dari **pukul 4.00 pagi** hingga **12.00 tengah hari**<br>ii. Kehadiran **tidak melebihi 8 orang** ahli keluarga sahaja<br>iii. Pergerakan antara zon **TIDAK DIBENARKAN**<br>iv. Wajib mengikuti SOP bagi Pencegahan dan Kawalan COVID-19 seperti di **Lampiran A** |
| 2 | **AKTIVITI MENZIARAH *COLUMBARIUM ATAU MEMORIAL HALL*** | **i. Dibenarkan**<br>➢ Mulai **20 Mac 2021** sehingga **14 April 2021**<br>➢ Dari **pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang**<br>ii. Kehadiran **tidak melebihi 2 orang** ahli keluarga sahaja<br>iii. Pergerakan antara zon **TIDAK DIBENARKAN**<br>iv. Wajib mengikuti SOP bagi Pencegahan dan Kawalan COVID-19 seperti di **Lampiran A** |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP *"QING MING JIE" (CHINESE ALL SOULS DAY)* DALAM TEMPOH PKP/PKPB/PKPP**

**DIKEMASKINI**
**17 MAC 2021**

**LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19**

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| **A)** | **LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19** | i. Menampal makluman berkaitan dengan amalan norma baru kehidupan<br>ii. Menyediakan tempat bagi memeriksa suhu badan, menggunakan *hand sanitiser* dan rekod kehadiran<br>iii. Diwajibkan memakai pelitup muka dan kerap membersihkan tangan dengan sabun dan air atau *hand sanitiser* |
| **B)** | **KAWALAN DAN PENGESANAN** | i. Individu yang didapati demam atau mempunyai gejala batuk, sakit tekak, selsema atau sesak nafas tidak dibenarkan mengikuti aktiviti menziarah Kubur, *Columbarium* atau *Memorial Hall*<br>ii. Individu yang menghidap penyakit kronik, warga emas dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah adalah **tidak digalakkan** hadir<br>iii. Kehadiran direkodkan menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku kehadiran<br>iv. Memastikan penjarakan fizikal 1 meter dipatuhi<br>v. Mengelakkan keadaan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dengan jarak yang dekat) |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP *"QING MING JIE" (CHINESE ALL SOULS DAY)* DALAM TEMPOH PKP/PKPB/PKPP**

**DIKEMASKINI 17 MAC 2021**

**LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19**

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| C) | **TANGGUNGJAWAB MEREKA YANG MENZIARAH KUBUR/ *COLUMBARIUM/ MEMORIAL HALL*** | i. Tidak menziarah tanah perkuburan/*Columbarium*/*Memorial Hall* sekiranya bergejala atau mempunyai suhu melebihi 37.5 darjah celcius<br>ii. Sentiasa mengekalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, menggunakan pelitup muka dan kerap membersihkan tangan dengan sabun dan air atau *hand sanitiser*<br>iii. Mengelakkan aktiviti bersalaman dan bersentuhan<br>iv. Segera bersurai selepas aktiviti menziarah kubur / *Columbarium* / *Memorial Hall* selesai<br>v. Mematuhi arahan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Perkuburan / *Columbarium* / *Memorial Hall* selain mematuhi arahan, garis panduan dan nasihat Kerajaan yang berkuatkuasa |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP *"QING MING JIE" (CHINESE ALL SOULS DAY)* DALAM TEMPOH PKP/PKPB/PKPP**

**DIKEMASKINI 17 MAC 2021**

**LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19**

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| **D)** | **TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENGURUSAN TANAH PERKUBURAN** | i. Melantik minimum tiga (3) orang petugas untuk memantau pelaksanaan dan pematuhan SOP yang ditetapkan<br>ii. Membuka satu laluan masuk dan satu laluan keluar<br>iii. Memastikan mereka yang menziarah kubur mendaftarkan diri dengan aplikasi MySejahtera atau catatan di dalam buku kehadiran<br>iv. Memastikan mereka yang menziarah kubur mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan dengan *hand sanitiser*<br>v. Memastikan mereka yang menziarah kubur bersurai meninggalkan kawasan perkuburan selepas selesai aktiviti penziarahan kubur<br>**vi.** **Sekiranya perkara ii. dan iii. sukar dilaksanakan** kerana keluasan tanah perkuburan, pihak jawatankuasa pengurusan hendaklah **melantik pasukan petugas bergerak yang secukupnya** untuk mendaftar dan memantau aktiviti mereka yang menziarah tanah perkuburan |

# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

# UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)

**SOP *"QING MING JIE" (CHINESE ALL SOULS DAY)* DALAM TEMPOH PKP/PKPB/PKPP**

**DIKEMASKINI 17 MAC 2021**

**LAMPIRAN A: PENCEGAHAN DAN KAWALAN COVID-19**

| BIL. | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| E) | **TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENGURUSAN *COLUMBARIUM / MEMORIAL HALL*** | i. Melantik minimum dua (2) orang petugas untuk memantau pelaksanaan dan pematuhan SOP yang ditetapkan<br>ii. Membuka satu pintu masuk dan satu pintu keluar<br>iii. Membuka kaunter untuk mengambil suhu badan, pendaftaran kehadiran, pembersihan tangan dan pemeriksaan pemakaian pelitup muka<br>iv. Memastikan mereka yang menziarah *Columbarium/Memorial Hall* mendaftarkan diri dengan aplikasi MySejahtera atau catatan di dalam buku kehadiran<br>v. Memastikan mereka yang menziarah *Columbarium/Memorial Hall* mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan dengan *hand sanitiser*<br>vi. Melakukan sanitasi secara berkala dan memastikan mereka yang hadir bersurai meninggalkan *Columbarium/Memorial Hall* selepas selesai aktiviti penziarahan<br>vii. Mematuhi arahan, garis panduan dan nasihat Kerajaan yang berkuatkuasa |